

ISU HAK DAN PENGLIBATAN WANITA DALAM SUKAN

Seet Shao Leong & Jady @ Zaidi Hassim

Abstrak

Artikel ini merupakan kajian ilmiah yang bertajuk Isu Hak & Penglibatan Wanita dalam Sukan. Fokus utama kajian ini adalah merujuk kepada perundangan yang menjamin hak wanita dalam sukan di Malaysia. Hal ini kerana hak wanita dalam sukan sering diabaikan daripada segi perundangan. Dengan ini, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada idea bahawa hak wanita yang terlibat dalam sukan haruslah dijamin dan diperkukuhkan melalui undang-undang tanpa wujudnya diskriminasi terhadap wanita. Tambahan pula, kajian ini juga akan menghuraikan perundangan luar Negara yang berkaitan dengan perlindungan hak wanita dalam sukan seperti undang-undang sukan Eropah (EU). Kaedah penulisan yang digunakan adalah melalui kajian perpustakaan. Kesimpulannya, perundangan yang sedia ada di Malaysia adalah tidak mencukupi dalam melindungi dan menjamin hak wanita dalam sukan. Dengan ini, beberapa cadangan telah dikemukakan dalam kajian ini terbahagi kepada penyelesaian jangka pendek dan penyelesaian jangka panjang seperti tinjauan semula polisi-polisi badan sukan, penyerapan perundangan sukan yang sesuai dalam perundangan Malaysia serta penggubalan akta Kesaksamaan Gender.

Kata kunci: Wanita; hak; sukan; penglibatan

1. PENGENALAN

“Hak asasi manusia adalah asas kepada kewujudan manusia dan kewujudan bersama manusia. Hak asasi manusia bersifat sejagat, tidak boleh dibahagikan dan saling bergantung. Hak asasilah yang menjadikan kita manusia. Berteraskan prinsip hak asasi manusialah kita membina kesucian maruah manusia.”

– Kofi Anan

Hak asasi manusia yang dimaksudkan di atas merangkumi hak asasi kanak-kanak, wanita, orang kurang berupaya, pengguna dan sebagainya. Tetapi, hak wanita dalam sukan tidak seperti yang diharapkan. Dari segi sejarah, penglibatan wanita dalam sukan pada awalnya adalah amat sukar dan tidak digalakkan. Ini dapat dilihat dalam sejarah perkembangan sukan pada tahun 1896. Pada masa itu, Sukan Olimpik Moden yang pertama dianjurkan di Athens, Greece, tetapi tiada seorang pun wanita dibenarkan menyertai pertandingan tersebut. Antara sebab utama yang dipercayai oleh masyarakat pada masa itu ialah penggunaan tenaga fizikal akan merosakkan sistem peranakan dan juga pusingan haid wanita. Dalam era perkembangan pesat kini, wanita berpotensi menjadi sumber pembangunan dalam pelbagai bidang sosial, ekonomi, politik dan juga aktiviti sukan kian meningkat. Namun begitu, hak-hak wanita dalam sukan tidak dinyatakan secara jelas dan kabur dalam perundangan di mana tiada satu peruntukan khas bagi mengawal selia undang-undang sukan di Malaysia. Dengan ini, kertas kerja ini menengahkan mengenai hak-hak wanita dalam sukan yang merupakan isu yang sering diabaikan oleh masyarakat.

2. MAKSUD “SUKAN” MENURUT UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Secara umumnya, sukan ditakrifkan sebagai segala aktiviti yang diinstitusikan secara kompetitif melibatkan penggunaan tenaga dan kemahiran fizikal yang kompleks di mana penglibatan seseorang itu didorong oleh gabungan kepuasan dalaman lalu dikaitkan dengan ganjaran luaran yang diperolehi melalui sukan itu.¹

Di Malaysia, akta atau peruntukan statutori mengenai definisi sukan ialah Akta Pembangunan Sukan 1997. Menurut akta tersebut, sukan merupakan mana-mana aktiviti yang disenaraikan dalam Seksyen 2, Jadual Pertama seperti boling, badminton, bola sepak, hoki dan sebagainya. Ini bermakna aktiviti yang tidak disenaraikan dalam akta ini tidak akan dikategorikan sebagai satu sukan, sebaliknya semata-mata permainan sahaja. Tambahan pula, dalam seksyen yang sama, aktiviti sukan berhubungan dengan sesuatu sukan, termasuklah—

- (a) penganjuran pertandingan, seminar, klinik atau kursus untuk sesuatu sukan;
- (b) penghantaran peserta ke pertandingan, atau acara sukan; dan
- (c) apa-apa aktiviti lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu sukan.

Ahli sukan pula merujuk kepada peserta sesuatu sukan, termasuklah seorang atlet. Ini dapat ditunjukkan bahawa ia termasuklah lelaki dan perempuan serta tidak haruslah mempunyai perbezaan dari segi hak mereka. Menjelang abad 21 ini, sukan moden sekarang telah mengalami transformasi yang mendadak daripada permainan biasa kepada satu kerjaya profesional atau perniagaan. Dengan ini, penglibatan wanita dalam sukan juga patut dipandang berat oleh masyarakat serta haknya dijamin dari segi undang-undang.

3. PERSPEKTIF PERUNDANGAN ANTARABANGSA BERKAITAN DENGAN HAK WANITA DALAM BIDANG SUKAN

Dalam konteks perspektif perundangan antarabangsa, terdapat tiga perundangan memainkan peranan yang penting di peringkat antaranabangsa dalam perlindungan hak wanita dalam sukan iaitu:

- a) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)
- b) Undang-undang sukan Eropah (EU)
- c) Undang-undang Amerika- Pindaan Pendidikan 1972(Title XI)

a) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)

Pada asasnya, hak wanita telah dijamin melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dengan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu di mana Perkara 1 telah menjelaskan tujuan penubuhan PBB, iaitu:

¹ Haji Gapor Ahmad, *Kejurulatihan dan Sains Sukan*, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Malaysia, 2007, hlm 1.

“To achieve international co-operation in solving international problems of an economic, social, cultural, or humanitarian character, and in promoting and encouraging respect for human rights and for fundamental freedoms for all without distinction as to race, sex, language, or religion.”

Dengan ini, ia menjelaskan bahawa hak asasi untuk semua tanpa membezakan kaum, jantina, bahasa dan agama. Seterusnya, deklarasi yang penting dalam menegaskan lagi tentang hak asasi manusia dan hak wanita telah diwujudkan oleh Perhimpunan Agung PBB pada tahun 10 December 1948 iaitu Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia. Menurut deklarasi ini, semua orang dilahirkan merdeka dan mempunyai martabat dan hak-hak yang sama. Tambahan pula, mereka berhak atas semua hak dan kebebasan-kebebasan yang terkandung di dalam deklarasi ini dengan tidak ada pengecualian apa pun, seperti perbezaan ras, warna kulit, jenis kelamin, bahasa, agama, politik atau pandangan lain, asal-usul kebangsaan atau kemasyarakatan, hak milik, kelahiran ataupun kedudukan lain. Dengan ini, hak wanita juga terjamin supaya melibatkan diri dalam aktiviti sukan serta pertandingan tanpa sebarang diskriminasi.

Sejarah tentang memperjuangkan hak wanita di dunia telah bermula pada 1970-an. Sebagai sebuah badan antarabangsa yang bermatlamat untuk menjamin hak asasi manusia di seluruh dunia, Perhimpunan Agung PBB telah mengisytiharkan tahun 1975 sebagai Tahun Wanita Antarabangsa dan bermulanya Persidangan Wanita Sedunia yang pertama di Mexico. Di sinilah merupakan titik permulaan bagi seluruh Negara di dunia supaya mempertimbangkan dan mengambil langkah-langkah yang sepatutnya dalam menjamin hak wanita dalam semua bidang. Pada tahun 1979, Perhimpunan Agung PBB telah menerima pakai Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan ia bermula berkuatkuasa pada 3 September 1981 bagi menghapuskan sebarang diskriminasi dan keganasan terhadap wanita. Ia juga mengeyorkan setiap Negara mengambil tindakan mengubahsuai aspek sosial dan budaya yang menggalakkan diskriminasi. Menurut ini, Negara-negara anggota konvensyen ini telah menegaskan semula bahawa diskriminasi terhadap wanita merupakan pencabulan ke atas prinsip-prinsip kesamaan hak dan rasa hormat terhadap maruah manusia serta berdasarkan persamaan dengan lelaki merupakan halangan bagi penyertaan wanita dalam kehidupan politik, sosial, ekonomi dan kebudayaan di Negara mereka, menjejaskan kemajuan masyarakat dan keluarga serta menjadikan pembangunan lengkap potensi wanita untuk berkhidmat kepada Negara mereka dan manusia sejagat lebih sukar. Selain itu, konvensyen ini juga berkeyakinan bahawa pembangunan penuh dan menyeluruh sesebuah kebajikan Negara dan usaha ke arah keamanan, menghendaki penyertaan maksimum wanita berdasarkan persamaan dengan lelaki dalam semua bidang, seperti penglibatan wanita dalam sukan.

Pada 2 Julai 2010, Perhimpunan Agung PBB telah mengambil tindakan bagi penubuhan sebuah badan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu baru yang khas untuk mempercepatkan kemajuan dalam mencapai kesaksamaan gender dan memperkasakan hak wanita dalam dunia. Badan ini dikenali sebagai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Wanita (*UN Women*). Salah satu matlamat utama badan ini adalah bagi pemimpin wanita dalam semua bidang serta mengambil bahagian dalam membuat keputusan di semua peringkat. Ini dapat merujuk kepada wanita yang melibatkan diri dalam badan-badan sukan.

Dalam peringkat antarabangsa, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah mengambil inisiatif dalam menjamin kedudukan wanita dan memartabatkan hak wanita dalam semua aspek dan bidang secara umumnya. Oleh itu, konvensyen-konvensyen yang diterima pakai hanya merupakan garis panduan serta bersifat *soft law* kepada Negara-negara anggota dalam menjamin hak wanita dalam semua aspek.

b) Undang-undang Sukan Eropah (EU)

Secara umumnya, peningkatan dalam pertikaian undang-undang dalam sukan telah menyebabkan perkembangan undang-undang sukan di Eropah pada tahun 1970an dan 1980an. Hal ini berlaku kerana mahkamah telah mula membangunkan teori undang-undang melalui keputusan mahkamah yang khas untuk bidang sukan, iaitu dikenali sebagai undang-undang sukan (*sport law*).² (Richard Parrish, 2003) Dalam bidang sukan, undang-undang sukan Eropah telah memainkan peranan yang penting dalam menjamin keadilan serta menjadi titik permulaan bagi perkembangan undang-undang sukan di seluruh dunia. Dalam konteks ini, undang-undang sukan Eropah merupakan undang-undang yang dimajukan oleh insituti daripada Kesatuan Eropah (EU) dan kaedah pelaksanaan serta pemakaian undang-undang tersebut dalam sukan adalah ditentukan oleh Mahkamah Keadilan Eropah (ECJ).³ Dengan ini, Negara-negara Eropah yang menandatangani dan meratifikasi *European Union- Maastricht Treaty* yang bermatlamat dalam menubuhkan satu kesatuan politik iaitu Kesatuan Eropah (EU) haruslah mematuhi segala keputusan dan undang-undang yang dipersetujui. Hal ini kerana triti tersebut merupakan triti yang mengikat semua Negara-negara anggota yang meratifikasinya. Dalam perlindungan terhadap hak wanita, terdapat banyak akta yang dicipta dapat menyelesaikan isu-isu yang sering dihadapi oleh atlet wanita yang terlibat dalam sukan, seperti diskriminasi, gangguan seksual, hak bayaran gaji yang sama rata dan sebagainya.

Bagi isu diskriminasi wanita dalam sukan, akta Diskriminasi Seks 1975 merupakan sebuah akta yang bertujuan untuk melarang peristiwa-peristiwa diskriminasi terhadap jantina. Menurut akta ini, skop tentang perbuatan diskriminasi dalam pekerjaan adalah merangkumi perjanjian pekerja, keengganan peluang bagi pekerjaan, peluang bagi naik pangkat serta latihan industri, penikmatan faedah dan kemudahan dan lain-lain lagi. Akta ini adalah berlainan dengan Akta Hak Pekerjaan 1996 di Eropah di mana perlindungan tidak hanya terhad kepada “pekerja” sahaja tetapi ia merangkumi semua perkara yang berkaitan dengan pekerjaan yang berdasarkan kontrak “secara peribadi untuk melaksanakan apa-apa kerja atau perburuhan.” Dengan ini, pertambahan skop kepada “pekerjaan” merupakan aspek yang penting dalam sukan kerana ia akan merangkumi pertandingan dan penajaan yang melibatkan atlet-atlet sama ada lelaki atau wanita yang memasuki kontrak tersebut. Selain itu, seksyen 44 dalam akta ini juga menjelaskan bahawa hak wanita dalam menyertai sukan adalah seperti berikut:

“Nothing in Parts II to IV shall, in relation to any sport, game or other activity of a competitive nature where the physical strength, stamina or physique of the average

² Richard Parrish, *The Birth of European Union Sports Law*, Frank Cass, London, 2003, hlm 1.

³ Mark James, *Sport Law*, Palgrave Macmillan, 2010, hlm 11.

woman puts her at a disadvantage to the average man, render unlawful any act related to the participation of a person as a competitor in a events involving that activity which are confined to competitors of one sex.”

Berdasarkan seksyen ini, asas bagi perlindungan terhadap wanita dalam sukan daripada diskriminasi adalah berbeza antara kes memohon lesen dengan kes pertandingan. Berdasarkan kes *Petty v British Judo Association* [1981] ICR 660 EAT, Petty telah mendakwa bahawa *British Judo Association* telah melakukan perbuatan diskriminasi terhadapnya apabila permohonan untuk menjadi pengadil dalam pertandingan *All England Men* ditolak. Penolakan tersebut atas alasan bahawa seksyen 44 telah menunjukkan bahawa wanita tidak mempunyai kekuatan bagi memisahkan dua orang pemain judo lelaki semasa pertandingan. Dalam penghakiman Browne Wilkinson J, beliau menyatakan bahawa seksyen 44 ini hanya dipakai dalam kes-kes yang melarang wanita dan lelaki bertanding bersama dalam keadaan yang tidak adil di mana kekuatan fizikal, stamina atau badan wanita adalah rugi berbanding dengan lelaki. Dengan ini, seksyen ini tidak boleh dikembangkan kepada keadaan yang lain seperti memohon lesen untuk menjadi pengadil seperti dalam kes ini.

Seterusnya, undang-undang Eropah juga menjamin bahawa prinsip layanan secara sama rata di mana tidak boleh wujudnya diskriminasi jantina sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan khususnya kepada status perkahwinan atau keluarga. Di Eropah, undang-undang ini telah memainkan peranan yang penting dalam menjamin hak wanita yang berkeluarga serta mengandungi supaya hak-hak wanita dihormati oleh kelab-kelab sukan di mana golongan wanita yang terlibat dalam bidang sukan sebagai atlet, golongan pengurusan serta pegawai pertandingan. Dalam konteks ini, kes penting iaitu *Dekker v VJV Centrum and Hertz v Aldi Marked* [1991] IRLR 27, 131 telah memutuskan bahawa keengganan bagi peluang pekerjaan dan penamatan perkhidmatan wanita atas alasan mengandungi adalah bercanggah dengan undang-undang sukan Eropah. Tambahan pula, kes *The Tele Danmark (Brandt-Nielson) Case* [2001] IRLR 853 juga memutuskan bahawa alasan bagi penamatan kontrak wanita seperti kontrak pekerjaan secara sementara, tidak dapat dipilih sebagai pemain dalam tempoh pengandungan adalah tidak sah di sisi undang-undang. Berdasarkan keputusan mahkamah ini, ia dapat dijelaskan bahawa penamatan kontrak wanita atas alasan pengandungan adalah tidak sah sama sekali. Dengan ini, undang-undang sukan Eropah dapat melindungi hak wanita yang melibatkan diri dalam sukan melalui kontrak pekerjaan. Atlet-atlet wanita yang melibatkan diri dalam sukan tanpa kontrak pekerjaan juga dapat dilindungi melalui akta Diskriminasi Seks 1975 serta *Equal Treatment Directive*.

Bagi isu pembayaran gaji secara sama rata antara atlet lelaki dengan wanita, perkara 141 perjanjian EC yang diserap kepada *Equal Pay Directive* dan *Equal Pay Act 1970* telah menjamin hak wanita dalam pembayaran gaji secara sama rata dengan lelaki bagi pekerjaan yang sama nilainya. Namun begitu, secara realitinya, pembayaran gaji atau struktur gaji adalah ditentukan oleh kebolehan, kebakatan, nilai seseorang atlet dalam sukan. Sebagai contoh, pemain bola sepak yang terkenal dan seperti Messi dan C.Ronaldo akan diberikan gaji yang lebih tinggi berbanding dengan pemain lain kerana mereka dapat menyumbangkan manfaat yang lebih besar kepada pasukan mereka. Di samping itu, pembayaran gaji tersebut adalah untuk menahan pemain tersebut daripada berpindah ke kelab lain atas alasan pembayaran gaji yang lebih tinggi. Dengan

ini, sukan wanita yang kurang diberi perhatian berbanding dengan sukan lelaki adalah sukar mendapatkan gaji yang sama dengan lelaki. Oleh itu, undang-undang pembayaran gaji secara sama rata dapat memainkan fungsi yang lebih dalam melindungi wanita yang terlibat dalam badan sukan sebagai golongan pengurusan dan pengawai.

c) Undang-undang Amerika- Pindaan Pendidikan 1972 (TITLE IX)

Di Amerika, Pindaan Pendidikan 1972 atau lebih dikenali sebagai Title IX merupakan titik permulaan bagi menjamin hak wanita terlibat dalam sukan di mana ia telah memberi peluang yang sama rata kepada wanita seperti lelaki. Title IX ini diperkenalkan pada tahun 1972 dan ia mula dikuatkuasakan pada 21 Julai 1975 oleh jabatan persekutuan *Education Office of Civil Rights* (OCR). Antara matlamat utama dapat dilihat dalam Title IX ini adalah seperti berikut:

“No person in the United States shall, on the basis of sex, be excluded from participation in, be denied the benefits of, or be subjected to discrimination under any education program or activity receiving federal financial assistance.”

Menurut Title IX, undang-undang ini akan membekalkan dana persekutuan kepada institusi pendidikan dan melarang segala perbuatan diskriminasi dalam program pendidikan. Aktiviti sukan juga dikategori sebagai program pendidikan dan ia memperuntukkan dana kepada sukan wanita supaya tidak menjejaskan hak wanita dalam sukan. Dengan ini, perlindungan dari segi undang-undang telah memperkembangkan penglibatan wanita dalam sukan bermula daripada peringkat sekolah, kolej dan universiti. Selepas pelaksanaan Title IX selama 30 tahun, bilangan wanita yang melibatkan diri dalam sukan telah meningkat secara mendadak seperti:⁴

- Lebih separuh daripada peserta kecergasan adalah wanita.
- Hampir 45% hingga 50% daripada pemain tenis, *bowler*, *hiker* adalah wanita.
- Wanita mengandungi 91% daripada *step exercise*, 73% daripada senaman aerobik, 71% daripada *kickboxer*, 62% daripada peluncur ais, 58% daripada *roller staker*, 58% daripada perenang, 53% daripada pemain bola tampar, 52% daripada *in-line stakers*.

Dengan ini, dapatlah disimpulkan bahawa Title IX telah memainkan peranan yang penting dalam memartabatkan status wanita dalam program pendidikan dan juga bidang sukan seperti perlindungan daripada diskriminasi, peluang penglibatan dalam sukan secara sama rata, penikmatan faedah dan sebagainya.

4. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA BAGI HAK WANITA DALAM BIDANG SUKAN

Di Malaysia, hak-hak wanita dalam bidang sukan adalah dijamin oleh perundangan tertinggi iaitu Perlembagaan Persekutuan. Perkara 5 dan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan telah

⁴ Hoffman, S., *Introduction to Kinesiology*, Champaign, IL: Human Kinetics, 3rd Edn, 2009, hlm 195.

menjelaskan bahawa kebebasan diri seseorang serta hak kesamarataan yang merupakan asas kepada hak wanita dalam sukan. Berdasarkan Perkara 5, ia berbunyi:

- (1) Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.

Peruntukan ini telah menjelaskan bahawa seorang adalah bebas melakukan apa sahaja selagi ia adalah tidak bertentang dengan undang-undang dan ia termasuklah kebebasan untuk melibatkan diri dalam sukan.

Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan pula berbunyi:

- (1) Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.

Ini bermakna semua orang tidak mengira bangsa, jantina atau keturunan berhak dilindungi secara sama rata dan diperlakukan adil mengikut undang-undang di Malaysia. Sebagai contoh, jika A dituduh membunuh, tidak ada sebab kenapa dia tidak boleh dihadapkan ke mahkamah dan kenapa mahkamah tidak boleh menjatuhkan hukuman terhadapnya jika dia didapati bersalah dan mengikut peruntukan yang diberikan di dalam Kanun Keseksaan. Biar siapa pun, jika dia warganegara Malaysia maka dia akan dibicara secara sama rata mengikut undang-undang.⁵ Dengan ini, dapatlah dilihat bahawa hak wanita dalam bidang sukan juga akan dilindung di bawah Perkara 8 ini dengan konsep kesamarataan antara jantina dapat dijamin.

Selain daripada hak kesamarataan dan hak perlembagaan yang diberikan kepada wanita, hak pekerjaan yang sama rata juga dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Sebelum tahun 2001, perkataan “jantina” tidak terkandung dalam Perkara 8(2) yang menyentuh tentang peluang pekerjaan yang sama rata dan mengelakkan diskriminasi. Dengan ini, hak wanita yang terlibat dalam sukan sebagai pekerjaannya dikatakan kurang dijamin dalam perundangan kerana Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang yang tertinggi di Malaysia. Selepas pindaan 2001 Perlembagaan, perkataan “jantina” telah dimasukkan dalam Perkara 8(2) telah memberi perlindungan yang lebih kukuh kepada kaum wanita, ia telah berbunyi:

“...tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam perlantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam...”

Selain itu, Jadual 2 & 3 Akta Pembangunan Sukan 1997 juga menjamin penglibatan hak wanita dalam sukan di mana aktiviti-aktiviti badan sukan hendaklah dijalankan tanpa ada diskriminasi tentang jantina, ras, warna kulit, agama, asal usul, bahasa, kecenderungan politik atau apa-apa pandangan lain.

⁵ Noor Aziah Mohd Awal, *Wanita dan Undang-Undang*, Golden Books Centre Sdn Bhd, Malaysia, 2006, hlm 18.

Dengan ini, ia dengan jelas menolak diskriminasi terhadap sesiapa saja atas dasar agama, keturunan, ras, tempat lahir atau jantina. Ini bermakna seseorang itu tidak boleh didiskriminasi semata-mata kerana dia seorang lelaki atau perempuan. Hak pekerjaan seseorang wanita yang melibatkan diri dalam sukan telah dijamin melalui peruntukan ini. Dalam konteks ini, sebarang undang-undang di Malaysia yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan akan dibatalkan setakat mana ia bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan ini. Dengan ini, ia dapat memastikan bahawa undang-undang domestik yang lain akan mematuhi konsep perlindungan hak wanita dalam semua bidang termasuklah sukan.

Namun begitu, keputusan kes *Beatrice Fernandez v Sistem Penerbangan Malaysia [MAS] & satu lagi* [2005] 3 MLJ 681 telah menunjukkan bahawa tafsiran Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan oleh Mahkamah Persekutuan adalah terhad. Dalam kes ini, Beatrice Fernandez adalah seorang pramugari yang telah memasuki perjanjian pekerjaan kolektif dengan MAS. Perjanjian tersebut menjadikannya wajib bagi seseorang pramugari untuk meletak jawatan sebaik sahaja ia mengandung dan membenarkan MAS menamatkan perkhidmatannya sekiranya ia enggan meletak jawatan. Pada tahun 1991, MAS telah menamatkan perkhidmatan Beatrice selepas beliau mengandung dan enggan meletak jawatan. Beatrice memfailkan kes terhadap MAS dan memohon perintah deklarasi daripada mahkamah bahawa peruntukan-peruntukan yang tertentu dalam perjanjian kolektif tersebut bersifat diskriminasi terhadap wanita dan oleh itu adalah tidak sah. Beatrice telah tewas dalam kes beliau dari peringkat Mahkamah Tinggi sehingga Mahkamah Persekutuan. Menurut penghakiman, Mahkamah Persekutuan telah mengehadkan perlindungan saksama di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan kepada warganegara dalam kelas atau golongan yang sama sahaja. Menurut Mahkamah Persekutuan, golongan-golongan warganegara yang berbeza (dalam kes ini, golongan lelaki dan wanita) memerlukan layanan atau pendekatan yang berasingan. Akan tetapi, Mahkamah Persekutuan gagal mengambil kira bahawa walaupun setiap orang dalam sesuatu golongan itu dilayan secara saksama, diskriminasi masih boleh berlaku terhadap keseluruhan golongan tersebut.⁶ Oleh itu, peruntukan kesaksamaan jantina dalam Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan tersebut boleh dikatakan kurang berkesan untuk melindungi hak wanita menyebabkan hak pekerjaan wanita dalam sukan juga akan terjejas.

Pada peringkat antarabangsa, Malaysia telah menjadi ahli Negara kepada pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah menerima pakai Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (Universal Declaration of Human Rights) yang meletakkan suatu asas minimum dan seragam kepada semua manusia dan Negara. Deklarasi ini telah memberikan inspirasi yang terbentuknya beberapa triti antarabangsa hak asasi manusia lain yang membentuk kepada piawaian antarabangsa yang menjadi perhatian Malaysia. Antara triti-triti antarabangsa adalah seperti berikut:

- *International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR)*
- *International Covenant on Economics, Social and Cultural Rights (ICESCR)*

⁶ Jashpal Kaur Bhatt, Gender Discrimination in Employment- How far Does Article 8 of the Federal Constitution guarantee gender equality, Badan Peguam Malaysia, 17 November 2005.

- *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (CERD)*
- *Convention against Torture and other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment (CAT)*
- *Convention on Rights of the Child (CRC)*
- *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW)*

Dalam isu yang berkaitan dengan perlindungan hak wanita, CEDAW yang dikenali sebagai Konvensyen Hak Wanita telah diratifikasi oleh Malaysia pada 5 Julai 1995. Dengan ini, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah menyesyorkan agar kerajaan Malaysia menetapkan satu strategi yang komprehensif dengan menolak sikap bersifat patriaki dan sereotaip yang mendiskriminasi terhadap wanita dalam semua sektor selaras dengan peruntukan dalam CEDAW. Tambahan pula, Perisytiharan ASEAN mengenai Penghapusan Keganasan Terhadap Wanita juga menyarankan semua Negara anggota untuk mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita di mana Malaysia menjadi Negara pengerusi bagi ASEAN pada tahun 2015.

Selain itu, beberapa dasar-dasar kerajaan atau *soft law* diperkenalkan dalam memberi satu garis panduan yang jelas dalam menghormati hak wanita dalam sukan serta meningkatkan penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan seperti sukan. Sebagai contoh, Dasar Wanita Negara adalah untuk menjamin perkongsian yang saksama di antara lelaki dan wanita dalam pemilikan sumber dan maklumat, di samping mendapatkan peluang dan faedah dari pembangunan. Dengan ini, wanita yang terlibat dalam sukan dapat dijamin haknya supaya tidak berlakunya diskriminasi terhadap mereka. Salah satu dasar kerajaan yang bertujuan dalam mencapai kesaksamaan gender yang membolehkan wanita Malaysia mengecapi kemajuan dalam pelbagai bidang ialah Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Menurut pelan ini, sokongan kepada wanita dalam sukan perlu ditambah baik bagi menggalakkan wanita menceburi bidang sukan seperti menerusi pemberian peluang untuk melanjutkan pelajaran dan mendapatkan pelajaran. Dengan adanya lebih ramai wanita bergiat aktif dalam sukan, bilangan atlet, jurulatih dan pegawai sukan wanita dalam dipertingkatkan.

Selain triti antarabangsa dan Perlembagaan Persekutuan, Malaysia tidak mempunyai satu perundangan yang khas bagi mengawalselia bidang sukan seperti Undang-undang sukan Eropah di mana isu-isu yang berkaitan dengan sukan akan diselesaikan melalui perundangan lain yang berkaitan.

Selepas menyimpulkan perundangan yang dinyatakan di atas, dapat dilihat bahawa undang-undang yang sedia ada di Malaysia adalah tidak mencukupi dan tiada sebarang undang-undang khas bagi mengawal selia bidang sukan. Ini dapat menunjukkan bahawa perkembangan undang-undang sukan di Malaysia masih ke belakang. Tanpa kewujudan undang-undang sukan yang tersendiri, hak-hak wanita dalam sukan tidak dapat dilindungi dengan lebih sepenuhnya.

5. KESIMPULAN

Akhirnya, dapatlah disimpulkan bahawa hak-hak wanita yang terlibat dalam sukan di Malaysia adalah kurang mantap dari segi perundangan serta polisi kerajaan. Dengan ini, cadangan bagi mengukuhkan dan menjamin hak wanita dalam sukan dapat dibahagi kepada dua peringkat, iaitu jalan penyelesaian untuk jangka masa pendek dan jalan penyelesaian untuk jangka panjang.

a) Jalan Penyelesaian untuk Jangka Masa Pendek

Bagi jalan penyelesaian untuk jangka masa pendek, cadangan yang boleh dilakukan oleh pihak-pihak yang berkuatkuasa seperti kerajaan, Kementerian Belia dan Sukan, badan-badan sukan ialah pihak-pihak tersebut perlulah memastikan semua polisi tidak bercanggah dengan konsep perlindungan hak wanita daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), terutamanya konvensyen-konvensyen yang diratifikasi dan ditandatangani oleh Malaysia. Sebagai contoh, kerajaan Malaysia telah meratifikasikan Konvensyen CEDAW pada tahun 1995 yang bertujuan bagi menghapuskan perkara-perkara yang wujudnya diskriminasi terhadap wanita dalam semua bidang. Secara realitinya, walaupun Malaysia telah memasuki sesuatu triti antarabangsa, tetapi bukan semua badan-badan sukan memahami konsep-konsep triti tersebut dan mematuhi. Oleh itu, dari segi perundangan, kerajaan perlulah memastikan maklumat-maklumat secara jelas dalam triti antarabangsa diterima oleh badan-badan sukan di Malaysia serta memastikan tiada polisi-polisi yang bercanggah dengan triti antarabangsa tersebut.

Tambahan pula, polisi-polisi kerajaan seperti Dasar Wanita Negara hendaklah lebih ditekankan dan disalurkan kepada polisi badan-badan sukan di peringkat kebangsaan. Menurut Akta Pembangunan Sukan 1997, badan sukan hendaklah mempunyai tujuan dan matlamat untuk mengekalkan hubungan baik dan kedudukan baik dengan semua badan pengelola dan pengawalseliaan antarabangsa bagi sukannya. Selain itu, ia juga perlu memastikan bahawa perlembagaan dan kaedah-kaedahnya dipatuhi dan diikuti oleh semua anggotanya. Dengan ini, kerajaan perlulah meningkatkan kesedaran badan sukan di Malaysia tentang perlindungan hak wanita yang diamalkan di peringkat antarabangsa. Kaedah ini merupakan penyelesaian jangka pendek bagi memastikan semua badan sukan di Malaysia menjamin hak wanita dalam sukan dalam polisi dan pentadbiran mereka.

b) Jalan Penyelesaian untuk Jangka Masa Panjang

Bagi jalan penyelesaian untuk jangka masa panjang pula, cadangan yang boleh digunakan dalam memartabatkan hak wanita dalam sukan adalah menyerapkan undang-undang Negara lain seperti undang-undang sukan Eropah dalam perundangan Malaysia yang sesuai dengan keadaan dan masyarakat. Berdasarkan laporan jawatankuasa CEDAW 2006, jawatankuasa CEDAW telah mengesyorkan beberapa jalan penyelesaian dalam menjamin kesaksamaan gender bagi Malaysia seperti berikut:

- a) Malaysia hendaklah memperbadankan peruntukan-peruntukan Konvensyen CEDAW dalam undang-undang Malaysia dan memastikan bahawa peruntukan-peruntukan ini dikuatkuasakan sepenuhnya

- b) Malaysia hendaklah memasukkan dalam undang-undang kebangsaan takrif diskriminasi seperti yang terkandung dalam Konvensyen CEDAW termasuklah diskriminasi secara langsung dan tidak langsung.
- c) Malaysia hendaklah mewujudkan dan menguatkuasakan undang-undang kesaksamaan gender menyeluruh yang mencerminkan kesaksamaan substantif antara lelaki dan wanita di arena umum dan persendirian kehidupan.

Dengan ini, cadangan bagi menjamin hak wanita dalam sukan ini dapat dilaksanakan dengan pengubalan satu akta Kesaksamaan Gender. Akta ini boleh merujuk kepada Akta Diskriminasi Seks 1975 yang diamalkan di Negara-negara Eropah dengan menerapkan seksyen-seksyen atau inti pati yang relevan dengan keadaan dan masyarakat Malaysia. Hal ini kerana akta-akta sedia ada semata-mata tidak mencukupi seperti ketiadaan undang-undang bagi isu gangguan seksual dan sebagainya bagi melindungi hak wanita dan juga hak mereka dalam sukan.

Tambahan pula, satu akta yang khas untuk mengawalselia bidang sukan adalah perlu bagi menyelesaikan semua isu-isu perundangan yang berkaitan dengan bidang sukan. Salah satu bahagian dalam akta tersebut hendaklah berkaitan dengan hak wanita terlibat dalam sukan. Dengan ini, akta tersebut dapat menyelesaikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh wanita dalam sukan seperti isu pemakaian tudung, isu diskriminasi, isu kontrak pekerjaan, isu wanita hamil dan sebagainya.

RUJUKAN

- European Union, EU Treaties. http://europa.eu/eu-law/treaties/index_en.htm (14 April 2015).
- Haji Gapor Ahmad, *Kejurulatihan dan Sains Sukan*, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Malaysia, 2007.
- Hoffman, S., *Introduction to Kinesiology*, Champaign, IL: Human Kinetics, 3rd Edn, 2009.
- Jabatan Peguam Negara Malaysia, Hak Asasi Manusia, http://www.agc.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=408&Itemid=334&lang=bm (9 April 2015).
- Jashpal Kaur Bhatt, Gender Discrimination in Employment- How far Does Article 8 of the Federal Constitution guarantee gender equality, Badan Peguam Malaysia, 17 November 2005.
- Mark James, *Sport Law*, Palgrave Macmillan, 2010.
- Noor Aziah Mohd Awal, *Wanita dan Undang-Undang*, Golden Books Centre Sdn Bhd, Malaysia, 2006.
- Richard Parrish, *The Birth of European Union Sports Law*, Frank Cass, London, 2003.
- Simon Gardiner, Mark James, John O'Leary and Roger Welch with Ian Blackshaw, Simon Boyes and Andrew Caiger, *Sports Law*, Cavendish Publishing Limited, 3rd Edn, 2006.
- United Nation Non-Governmental Liaison Service (UN-NGLS), United Nation Entity for Gender Equality and the Empowerment of Women (UN Women). http://www.un-ngls.org/spip.php?page=article_s&id_article=829 (8 April 2015).